

Adik degil, pemarah

Sanggup pukul ibu kerana ditegur supaya solat

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya mempunyai seorang adik perempuan bernama A dan berusia 22 tahun. Dia belajar di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan.

Adik saya seorang yang degil dan kuat memberontak, malah ibu bapa pening kepala dengan perangainya. Semasa zaman kanak-kanak, hubungan kami amat rapat, tapi semakin renggang apabila saya memasuki tingkatan satu dan tinggal di asrama kerana jarak dari rumah ke sekolah jauh.

Adik saya ketika itu belajar di sekolah rendah berhampiran rumah. Pada masa itu hanya dia, adik lelaki, ibu dan ayah tinggal di rumah.

Setiap dua minggu, saya akan pulang bercuti di kampung. Setiap kali pulang ke rumah saya akan bergaduh dengan A. Dia selalu marah-marah dan cepat melenting apabila ditegur.

Saya tidak tahu apakah puncanya. Saya pernah bertanya masalahnya, tetapi dia hanya mendiamkan diri dan menyuruh supaya jangan mpedulikannya.

Saya pernah berusaha untuk berbaik-baik dengannya, tetapi sia-sia. Dia hanya mendiamkan diri saja. Bukan hanya dengan saya dia bergaduh, malah abang, kakak, ibu dan ayah turut menjadi mangsa.

Pernah suatu ketika, dia sanggup memukul ibu saya gara-gara menegurnya supaya solat. Dia pernah berkata bahawa dia tidak kisah menjadi anak derhaka.

Keluarga saya kini menjadi semakin buntu memikirkannya. Saya berharap adik yang saya sayang ini berubah menjadi lebih baik.

KAKAK SEDIH, PERAK

! Dr ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana adik mempunyai keinginan membantu dan memperbaiki perhubungan dengan A. Sebagai seorang yang lebih berusia, ini menunjukkan sikap matang adik yang tidak mahu satu perhubungan yang pernah mesra bertukar kepada satu konflik berterusan.

Dr memang memahami bahawa mempunyai seorang adik yang bersikap degil dan suka melawan bukanlah sesuatu yang mudah. Apatah lagi, ia membabitkan hubungan A dengan seluruh keluarga termasuk ibu.

Hubungan sesama manusia termasuk adik-beradik



memang mengalami perubahan. Sama ada perubahan itu akan menuju kepada yang positif atau sebaliknya bergantung kepada banyak faktor antaranya seperti kematangan, masa dan sikap. Faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya, pengaruh media juga berkesan dalam mengubah personaliti seseorang.

Dalam konteks hubungan dengan A, adik perlu terus berusaha untuk memperbaiki hubungan kerana ibarat kata pepatah, air dicincang tidak akan putus.

Perubahan personaliti atau sikap A disumbangkan oleh faktor tertentu. Dr tidak tahu perkara sebenar yang berlaku terhadap diri A sehingga perubahan berlaku pada dirinya. Andaian boleh dibuat bahawa A mempunyai permasalahan sendiri sehingga dia menjadi seorang yang sudah tidak lagi mementingkan hubungan dengan ahli keluarga yang lain.

Secara emosi dan psikologi, A mungkin mengalami satu peringkat kehidupan di mana banyak konflik dan pergolotan berlaku dalam

diri. Bertuahnya A kerana mempunyai ahli keluarga yang prihatin dan ingin mengubah sikap dirinya yang degil, keras hati dan suka melawan itu.

Sikap A yang berdiam diri juga menunjukkan ada pergolotan dan pergolotan dalam dirinya yang tidak diluahkan sehingga dia menjadi seorang pemberontak. Sememangnya niat adik untuk berbaik-baik dengan A sesuatu yang murni.

Adik boleh meminta orang yang dipercayai A un-

tuk berbincang atau tempat A meluahkan perasaan.

Tentu ada individu yang menjadi orang kepercayaan di mana A boleh meluahkan perasaan atau berkongsi cerita. A juga boleh berjumpa dengan kaunselor di tempat beliau belajar.

Sebagai seorang anak, A wajib menghormati ibu bapa dan adalah berdosa untuk menjadi seorang anak derhaka. Perkara ini perlu dijelaskan kepada A supaya A tahu tanggungjawabnya sebagai seorang anak.

Suka ulang kaji pelajaran sendirian

? Saya ingin bertanyakan pendapat mengenai masalah yang saya hadapi. Saya mempunyai masalah apabila tinggal bersama kawan.

Sebenarnya saya seorang yang tidak suka mengulang kaji pelajaran apabila kawan sekelas berada di samping saya. Ini kerana saya bera-sa tidak selesa. Tambahan pula, sekarang saya tinggal di rumah sewa bersama kawan. Ini sangat merunsingkan diri saya kerana takut tidak dapat mengulang kaji.

Keadaan begini disebabkan semasa berada di asrama dulu, saya sebilik dengan kawan sekelas. Dia selalu mengacau saya apabila sedang mengulang kaji pelajaran. Untuk pengetahuan,

saya seorang yang akan belajar apabila ada keinginan untuk belajar.

SUKA BERSENDIRIAN, KEDAH

! Setiap individu mempunyai kaedah belajar tersendiri mengikut kesesuaian dan keselesaan dirinya. Adik boleh memilih kaedah belajar yang boleh menyumbang kepada impak maksimum hasil pembelajaran.

Sekiranya adik merasakan rakan boleh menimbulkan elemen gangguan semasa adik mengulang kaji, cara terbaik ialah adik memilih untuk mengulang kaji di tempat di mana rakan tidak boleh mengganggu. Contohnya di perpustakaan,

di study zone atau di bilik belajar.

Seterusnya mengenai isu adik hanya belajar apabila ada keinginan, sebagai seorang pelajar, adik tidak boleh belajar hanya apabila ada rasa ingin mengulang kaji. Ini memberi kesan kepada keputusan peperiksaan adik kelak.

Seorang pelajar perlu memperuntukkan sebahagian daripada masanya untuk belajar. Secara berperingkat, belajarlah memperuntukkan masa untuk belajar setiap hari. Jangan hanya belajar apabila ada keinginan. Semoga adik menjadi seorang pelajar yang cemerlang dalam segala aspek positif.

